

TARIKH	23 / 04 / 2014	SEKSYEN	BISNES
MUKA SURAT	19	RUANGAN	

Takaful Malaysia umum dividen 40%

KUALA LUMPUR 22 April - Takaful Malaysia Berhad mengumumkan agihan dividen akhir satu peringkat sebanyak 40 peratus, hasil keuntungan selepas cukai dan zakat yang memberangsangkan sebanyak RM134.4 juta bagi tempoh berakhir 31 Disember 2013.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Mohamed Hassan Kamil berkata, keuntungan itu meningkat sebanyak 34 peratus berbanding RM100.1 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya dengan pulangan atas ekuiti sebanyak 25.9

peratus.

Beliau berkata, jumlah dividen yang dibayar termasuk dua dividen interim adalah sebanyak 82 peratus bersamaan hasil dividen 6.6 peratus berdasarkan harga penutupan saham syarikat semalam iaitu RM12.40 sesaham.

"Jumlah dividen interim dan akhir sebanyak RM133.5 juta ini mewakili nisbah pembayaran hampir 100 peratus daripada keuntungan bersih yang diperoleh bagi tempoh berakhir 31 Disember 2013 dan ia merupakan rekod nisbah

pembayaran tertinggi iaitu lebih tiga kali ganda berbanding pembayaran bagi tahun 2012," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mohamed Hasan berkata, dalam menyambut ulang tahun ke-30 tahun ini, Takaful Malaysia akan terus menekankan empat bidang teras iaitu capaian pelanggan, ketangkasaran operasi, daya saing kos dan keyakinan pemegang kepentingan.

"Matlamat kami adalah mendahului pasaran dan mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai pilihan utama bukan hanya dalam

kalangan syarikat Takaful, malah semua penyedia insurans konvensional.

"Kami sentiasa menumpukan usaha untuk mengukuhkan kedudukan kami dalam pasaran dan dikenali sebagai sebuah jenama yang dinamik serta menguatkan pelanggan, selain memperkuuhkan imej yang penuh bertentara melalui pelbagai saluran pengiklanan dan aktiviti pemasaran untuk mencapai daya ketampanan dan tarikan bagi Takaful Malaysia," katanya.